



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### KPN MEMPERUNTUKKAN RM33.73 JUTA BAGI MEMPERKASA TABIKA DAN TASKA PERPADUAN

**KUALA LUMPUR, 28 Februari** – Sebanyak **RM33.73 juta** telah diperuntukkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi **memperkasa pengoperasian Tabika dan Taska Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** pada tahun ini. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyempurnakan Program Cilik Perpaduan di Taska Perpaduan Taman Sri Rampai, Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hari ini.

Menurut YB Datuk Aaron, peruntukan tersebut adalah bagi penyediaan pelbagai kemudahan merangkumi **starter kit Tabika dan Taska Perpaduan, Buku aktiviti murid Tabika dan Taska Perpaduan, Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok, Geran Perkapita Murid Tabika Perpaduan bernilai RM100 setiap murid, dan Bantuan Makanan Tambahan (BMT)**.

Selain itu, dalam usaha melahirkan murid-murid yang berpengetahuan, berketrampilan dan kreatif serta inovatif seiring dengan perkembangan pendidikan digital, JPNIN telah **membekalkan perkhidmatan Internet CelcomDigi berjumlah RM763 ribu di semua Tabika dan Taska Perpaduan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** pula telah bersetuju untuk menyediakan **Akaun Simpanan SSPN Prime bernilai RM120 ribu** bagi memupuk budaya menyimpan wang di peringkat awal persekolahan.

YB Datuk Aaron berkata, “Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan adalah **memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)**. Terdapat tiga (3) modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan iaitu **modul pendidikan Rukun Negara, Modul Jom Urus Diri dan Modul Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa seperti Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan**”.

Tambah beliau, KPN bercadang agar **pendidikan dan modul Rukun Negara ini turut dikembangkan kepada prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tadika KEMAS dan tadika swasta** sebagai usaha menerapkan elemen kenegaraan dalam kalangan kanak-kanak.

Untuk rekod, **sehingga kini terdapat sebanyak 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 buah Taska Perpaduan di seluruh Malaysia** manakala jumlah murid yang berdaftar pada hari pertama sesi persekolahan Tahun 2025/2026 adalah masing-masing seramai **34,654 orang murid Tabika dan 990 orang murid Taska**.

**Kementerian Perpaduan Negara**

28 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (13)